

KURSUS PENSIJILAN PENGURUSAN PROJEK AWAM BERSEPADU (3PAB), ANJURAN KLUSTER PENGAJIAN DASAR AWAM DAN GOVERNAN

LATAR BELAKANG

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negara (JKTN) Bil. 1/2013 yang berlangsung pada 7 Februari 2013 telah mengarahkan agar masalah projek tidak dapat disiapkan seperti yang dirancang dapat diatasi. Selain itu, teguran-teguran di dalam Laporan Ketua Audit Negara dari tahun 2009 sehingga kini juga banyak berkisar tentang kepincangan yang berlaku di sepanjang kitaran hidup projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan. Sehubungan itu, Laporan Ketua Audit Negara telah menyarankan agar pegawai yang terlibat dalam pengurusan projek awam mendapat latihan yang mencukupi dalam bidang pengurusan projek.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat JKTN dan saranan Laporan Ketua Audit Negara tersebut, INTAN telah mengambil tindakan proaktif untuk menganjurkan Kursus Pensijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB) bermula dari tahun 2014. Kursus berbentuk pensijilan dalam bidang pengurusan projek ini dibangunkan dan dilaksanakan oleh INTAN dengan kerjasama empat rakan strategik iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM, Jabatan Kerja Raya (JKR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Kursus 3PAB adalah kursus komprehensif selama empat minggu (tiga minggu modul akademik dan diikuti dengan seminggu modul penempatan projek) khusus untuk pegawai awam yang terlibat dalam pengurusan projek awam. Sebagai program latihan yang bersepadu, Kursus 3PAB telah digubal dengan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan teknik penilaian yang menyeluruh bagi memastikan peserta dinilai dengan tepat sebelum dianugerahkan pensijilan.

KURSUS PENSIJILAN PENGURUSAN PROJEK AWAM BERSEPADU (3PAB), ANJURAN KLUSTER PENGAJIAN DASAR AWAM DAN GOVERNAN

AHLI KOLABORASI

INTAN telah membina kerjasama strategik dengan pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM, Jabatan Kerja Raya (JKR), Univerisiti Teknologi MARA (UiTM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), yang masing-masing mempunyai kepakaran tersendiri dalam bidang pengurusan projek, khususnya untuk merencana program latihan khas dalam pengurusan projek kepada pegawai awam ini. Keempat-empat rakan strategik ini juga merupakan ahli tetap Jawatankuasa Pensijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu dan Jawatankuasa Kerja Kursus 3PAB, bersekali dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM dan Bahagian Perkhidmatan, JPA.

KURSUS PENSIJILAN PENGURUSAN PROJEK AWAM BERSEPADU (3PAB), ANJURAN KLUSTER PENGAJIAN DASAR AWAM DAN GOVERNAN

KAEDAH KOLABORASI

Selain daripada bertindak selaku ahli tetap Jawatankuasa Pensijilan dan Jawatankuasa Kerja Kursus 3PAB, empat rakan strategik 3PAB serta Bahagian Perkhidmatan, JPA akan membantu INTAN dalam melaksanakan Kursus 3PAB khususnya dalam bidang-bidang berikut:

- i. Penyediaan tenaga pengajar yang bersesuaian mengikut modul serta topik dalam Kursus 3PAB.
- ii. Membantu mengenalpasti peserta kursus dan pengeluaran surat tawaran berkursus.
- iii. Penyediaan tempat lawatan yang bersesuaian sepanjang Kursus 3PAB.
- iv. Penyediaan tempat latihan untuk Kursus 3PAB (sekiranya perlu).
- v. Penyediaan tempat/projek yang bersesuaian untuk penempatan projek serta membantu menyediakan panel penilai.
- vi. Menyumbang soalan peperiksaan serta membuat penilaian dan pemarkahan yang adil.
- vii. Membantu perjalanan Kursus 3PAB selagi ia bermatlamat untuk kebaikan kursus tersebut.